

A Isi tempat kosong dengan kata penegas yang sesuai.

- 1 Orang itu _____ yang menolong saya tadi. (-lah, -kah)
- 2 Apa-apa _____ yang disuruh pasti tidak ditolakny. (lagi, sahaja)
- 3 Sesiapa _____ boleh menggunakan pondok bacaan ini pada waktu rehat. (pun, memang)
- 4 Siapa _____ yang melakukan kerja-kerja pembersihan ladang itu? (-lah, -kah)
- 5 Walaupun ditegah, dia tetap _____ akan pergi ke tempat itu. (juga, sahaja)
- 6 Ada _____ peniaga yang menggunakan sempoa untuk mengira. (pun, lagi)
- 7 Aziz _____ terkenal dengan sikap panas baran itu. (jua, memang)
- 8 Sepuluh ringgit pun tidak ada, apa _____ lagi seribu ringgit. (-lah, -tah)
- 9 _____ aku membiarkan lilin itu menyala sampai pagi. (Sahaja, Hanya)
- 10 Saya akan membantu _____ jika dia benar-benar memerlukan pertolongan. (hanya, pun)
- 11 Berdiam diri _____ lebih baik daripada berkata-kata perkara yang tidak berfaedah. (sahaja, lagi)
- 12 Sekaya mana _____ kita, jangan lupa jasa orang tua kita. (jua, pun)
- 13 Dia bukan sahaja baik budi pekerti, malahan _____ rajin belajar. (juga, pun)
- 14 Jangan _____ kamu bersedih atas apa yang telah terjadi itu. (-lah, memang)
- 15 Ada apa-apa masalah, jangan disimpan begitu _____. (juga, sahaja)

30

Tahap Penguasaan					
Sangat Terhad ☐	Terhad ☐	Memuaskan ☐	Baik ☐	Sangat Baik ☐	Cemerlang ☐

A Pilih kata penegas yang paling sesuai.

1 _____ indah pemandangan di tepi kaki gunung itu.

- A Memang C Juga
B Hanya D Lagi

2 "Ikut _____ saya ke kedai untuk membeli gula," ajak adik.

- A -tah C pun
B -lah D -kah

3 Apa _____ difikirkan sangat dengan masalah sekecil itu.

- A jua C juga
B -kah D -lah



4 Sikap rendah diri jutawan itu _____ disukai oleh penduduk di taman itu.

- A memang
B hanya
C juga
D lagi

5 Abang belum pulang _____ walaupun hari sudah lewat malam.

- A lagi
B juga
C memang
D pun



6 _____ Zulkifli yang ada di kelas pada waktu rehat tadi.

- A Memang
B Hanya
C Juga
D Lagi

7 Kita boleh sediakan apa _____ bentuk bantuan untuk golongan miskin itu.

- A -kah
B jua
C memang
D lagi

8 Sesiapa _____ boleh menyertai rombongan dianjurkan oleh sekolah itu.

- A hanya
B pun
C -tah
D -kah

9 Selepas hujan berhenti, kami _____ bergerak pulang ke rumah masing-masing.

- A pun
B -tah
C -kah
D -lah